

4,107 pelajar daftar untuk sesi akademik 2018/2019 UKM

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

BANGI - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membuka tirai sesi akademik 2018/2019 semalam dengan menerima kemasukan pelajar baharu sebanyak 4,107 orang bagi menyambung pengajian di 13 fakulti berbeza institusi pengajian tinggi berkenaan.

Menurut Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali, mahasiswa baharu dipecahkan kepada komposisi sebanyak 70 peratus pelajar perempuan serta 30 peratus pelajar lelaki dan bakal mengikuti 73 program ditawarkan.

"Sebanyak 47 program yang ditawarkan merupakan dari pada gugusan sains manakala 26 lagi program ialah aliran sastera. UKM turut mencipta sejarah apabila menawarkan program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Citra dengan pengambilan 100 pelajar.

"Pelajar yang mengikuti program pengajian tersebut akan mengikuti pembelajaran di



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia



MOHAMMAD NORAMIN



MOHAMMAD NORIMAN

bawah kaedah 2u2i, yang bermaksud pelajar hanya perlu belajar selama dua tahun di universiti dan dua tahun lagi di dalam industri.

"Ia merupakan pembelajaran berdasarkan pekerjaan (*work based learning*) untuk meningkatkan pelajar dari segi persediaan untuk masuki industri setelah tamat pengajian kelak," katanya ketika ditemui selepas sidang akhbar kemasukan pelajar baharu di Kolej Burhanudin Helmi, UKM di sini.

Noor Azlan menambah, pelajar baharu juga dijangka melalui minggu orientasi yang unik berikutan diberi kebebasan untuk menerokai UKM menerusi aplikasi pintar khas dipanggil MESRA@UKM.

"Aplikasi pintar itu yang dibangunkan oleh pelajar



NOOR AZLAN (kanan) bersama sebahagian pelajar baharu yang hadir mendaftar bagi sesi kemasukan 2018/2019 di UKM, Bangi semalam.

Fakulti Sains Teknologi dan Maklumat bakal membolehkan graduan baharu mendapatkan pelbagai informasi berkaitan jadual Minggu Mesra Mahasiswa selain lokasi aktiviti serta peta laluan bas," ujarnya.

Sementara itu, sepasang kembar lelaki melahirkan perasaan teruja dan gembira apabila terpilih untuk melanjutkan pengajian di UKM bagi sesi akademik 2018/2019.

Mohammad Noriman Masri

dan pasangan kembarnya, Mohammad Noramin Masri masing-masing berusia 19 tahun dari Rompin, Pahang bakal mengikuti kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan As-Sunnah.

Menurut Mohamad Noriman, dia sangat bersyukur kerana dapat bersama pasangan kembarnya dapat melanjutkan pengajian di UKM.

"Alhamdulillah, kami ditakdirkan untuk sentiasa bersa-

ma. Selain menjadi pendengar setia sekiranya berdepan pelbagai masalah, kembar saya juga akan membantu dalam urusan pembelajaran.

"Kami berikrar untuk menumpukan sepenuh perhatian ketika pensyarah mengajar bagi mendapatkan keputusan cemerlang pada setiap semester sekali gus dapat membela segala pengorbanan dicurahkan kedua orang tua kami."

Mohammad Noriman Masri